

I0000026340

FAKULTI PENGAJIAN MAKLUMAT  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM

THESIS KAKITANGAN

SMM 850: INDEPENDENT STUDY

FOTOKSIAI TIDAK DIBENARKAN

PERUBAHAN PERANAN PUSTAKAWAN AKADEMIK DALAM ERA  
MAKLUMAT

PENSYARAH

PROF.MADYA PUAN NORMA ABU SEMAN

OLEH

ROZAIMAH MAT SIDEK  
(97397202)

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM.

**PERUBAHAN PERANAN PUSTAKAWAN AKADEMIK  
DALAM ERA MAKLUMAT**

By

**ROZAIMAH MAT SIDEK**

An Independent Study submitted in partial fulfillment of  
the requirement for the degree of

**Master of Science  
In Information Management**

at the

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

1999

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur alhamdulillah kerana dapat menyiapkan tugas ini. Walau pun banyak rintangan dan halangan di dalam menghabiskan kursus sarjana ini secara keseluruhannya, namun berkat doa ke dua ibu bapa di harap semoga kejayaan akan sentiasa bersama.

### **Ucapan terima kasih saya tujukan khas kepada:-**

- Prof. Madya Puan Norma Abu Seman, selaku penyelia Independent Study dan pensyarah yang telah banyak membantu menyiapkan tugas ini.
- Institut Teknologi Mara (ITM), khususnya Bahagian Latihan dan Pembangunan Staf, yang telah membiayai saya sepanjang tempoh pengajian.
- Kedua-dua Dekan, Timbalan Dekan Fakulti Pengajian Maklumat dan Pensyarah-Pensyarah yang sentiasa berusaha di dalam menjayakan Program Sarjana ini.
- Staf Fakulti Pengajian Maklumat dan Pustakwan-Pustakawan di Perpustakaan Tun Abdul Razak, yang telah memberikan kerjasama dan budi anda semua tidak terbalas.
- Akhir sekali kepada kedua ibu bapa dan keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan.

## **KANDUNGAN**

### **Abstrak**

<b>1.0 Pendahuluan</b>	<b>1</b>
<b>2.0 Definisi pustakawan atau profesional maklumat</b>	<b>4</b>
2.1 Definisi peranan pustakawan dan perspektif Sosiologi	5
2.2 Pendapat semasa mengenai pustakawan akademik	6
<b>3.0 Peranan pustakawan akademik</b>	<b>9</b>
3.1 Peranan masa lalu	10
3.2 Peranan masa kini	12
3.3 Peranan baru	18
<b>4.0 Fungsi dan tugas pustakawan akademik</b>	<b>25</b>
<b>5.0 Keperluan pustakawan akademik dalam melaksanakan     peranan dan tugas</b>	<b>34</b>
5.1 Kualiti yang perlu dalam konteks pustakawan akademik	38
<b>6.0 Cabaran yang di hadapi oleh pustakawan akademik</b>	<b>40</b>
<b>7.0 Peranan baru dalam perlaksanaan etika</b>	<b>43</b>
<b>8.0 Penutup</b>	<b>46</b>
8.1 Beberapa petikan pendapat semasa	49
<b>Rujukan</b>	<b>52</b>
<b>Apendiks</b>	

# PERUBAHAN PERANAN PUSTAKAWAN AKADEMIK DALAM ERA MAKLUMAT

## **Abstrak**

*Perkembangan teknologi yang semakin pantas telah membuatkan peranan dan fungsi pustakawan akademik lebih mengutamakan matlamat mereka di dalam memberikan perkhidmatan yang berkesan. Terdapat perubahan yang ketara apabila pustakawan menjalankan peranan dan tugas mereka pada masa dahulu dan kini. Fungsi asas kepustakawanan masih tidak di lupakan, walau pun terdapatnya perkembangan sumber maklumat yang telah beralih kepada teknologi yang lebih sofistikated. Begitu juga dengan peranan pustakawan akademik yang beralih kepada profesional maklumat akademik. Ini adalah definisi yang luas kerana pustakawan akademik pada hari ini melibatkan diri mereka dengan semua yang ada kaitannya dengan maklumat. Profesional maklumat itu bersesuaian dengan perkembangan sumber maklumat yang merangkumi pelbagai bentuk seperti sumber maklumat elektronik termasuk CD-ROM, maklumat atas talian, Internet, pangkalan-pangkalan data dan sekarang ini ke arah perpustakaan digital dan virtual. Setiap perubahan yang berlaku di dalam era maklumat pustakawan akademik haruslah bersedia dengan setiap cabaran yang mendatang.*

**Katakunci:** *pustakawan akademik, perubahan peranan, sumber teknologi maklumat, cabaran pada perubahan.*

## **1.0 Pendahuluan**

Lebih daripada tiga abad pustakawan akademik telah melalui perkembangan dan perubahan yang pesat di sebabkan oleh bertambahnya penggunaan teknologi maklumat. Persekitaran maklumat pada hari ini bertukar terlalu pantas dan